



**TAWARAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN SIFAR UJRAH
SEKSYEN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH
TAHUN 2024**

Seksyen Pembiayaan Pendidikan Negeri Kedah (SPPNK) mempelawa **Anak Kedah** yang berkeelayakan dan memenuhi syarat untuk memohon pembiayaan pendidikan SPPNK Sesi Pengajian 2024/2025.

A) PERINGKAT PENGAJIAN

1. Sijil / Diploma / Ijazah Sarjana Muda Pertama secara **SEPENUH MASA** dalam negara di **SEMUA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM** dan **INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA TERPILIH** seperti berikut:
 - 1.1 Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS);
 - 1.2 *Asian Institute of Medicine, Science and Technology* (AIMST);
 - 1.3 Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM);
 - 1.4 Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK);
 - 1.5 *University College TATI* (UC TATI);
 - 1.6 Universiti Selangor (UNISEL); dan
 - 1.7 Institut Pertanian, Jabatan Pertanian Malaysia sahaja.
2. Pengajian ke peringkat Sijil Vokasional Malaysia (SVM) / STPM / Asasi / Matrikulasi / Diploma Pendidikan Lulusan Ijazah (DPLI) / Ijazah Sarjana (Master) / PhD adalah **TIDAK LAYAK MEMOHON**.

B) SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

1. Pemohon merupakan **WARGANEGARA MALAYSIA**.
2. Pemohon **ATAU** Ibu **ATAU** Bapa **LAHIR** di Negeri Kedah **DAN** pemohon mestilah **BERMASTAUTIN SERTA MENETAP** di Negeri Kedah **SEKURANG-KURANGNYA 2 TAHUN** (Mengikut alamat pada surat tawaran IPT dan disahkan oleh Penghulu Mukim / Imam Kariah Negeri Kedah).
3. Pemohon telah menerima surat tawaran melanjutkan pelajaran ke IPT dan telah membuat pengesahan pengajian.
4. Permohonan dibuka untuk pelajar **TAHUN PERTAMA (SEMESTER 1 DAN SEMESTER 2) KEMASUKAN BAHARU KE IPT TAHUN 2024 SAHAJA**.
5. Pemohon mempunyai kesihatan yang baik. SPPNK berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan.
6. Pemohon tidak menerima bantuan / tajaan kewangan dari mana-mana agensi.
7. Ibu / Bapa / Penjaga tidak disenarai hitam / dalam tindakan undang-undang oleh SPPNK.

C) KADAR PEMBIAYAAN

➤ Sijil	RM2,500.00 setahun
➤ Diploma	RM4,500.00 setahun
➤ Diploma (UniSHAMS)	RM12,000.00 setahun
➤ Ijazah Sarjana Muda (IPTA/IPTS lain)	RM6,500.00 setahun
➤ Ijazah Sarjana Muda (UniSHAMS) (Ijazah Sarjana Muda Pembedahan & Perubatan tidak layak memohon)	RM14,000.00 setahun

D) KAEDAH PERMOHONAN

1. Permohonan adalah secara dalam talian sahaja (*online*) melalui laman web sppnk.kedah.gov.my mulai 11 Ogos 2024 (Ahad) hingga 15 September 2024 (Ahad). Permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

E) PERINGATAN

1. Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan atau maklumat yang dikemukakan didapati tidak benar tidak akan dipertimbangkan dan SPPNK berhak menolak dan membatalkan permohonan tersebut.
2. Pemohon perlu memuat naik salinan dokumen sokongan yang **JELAS** dan telah **DIAKUI SAH** oleh:
 - a) Pegawai dalam Perkhidmatan Perundangan dan Kehakiman (Majistret / Pegawai Undang-Undang); atau
 - b) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Kumpulan "A") (Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah / Penolong Setiausaha / Penolong Pengarah / Pengetua Sekolah / Guru Besar); atau
 - c) Pesuruhjaya Sumpah yang berkhidmat di Mahkamah; atau
 - d) Penghulu Mukim Negeri Kedah.
3. Tarikh semakan keputusan permohonan akan diumumkan dari semasa ke semasa melalui laman web sppnk.kedah.gov.my.
4. Keputusan permohonan adalah muktamad.
5. Bagi permohonan yang berjaya, pemohon **DIWAJIBKAN** menghantar salinan dokumen sokongan yang telah dimuat naik semasa permohonan dihantar.
6. Sila hubungi Unit Penajaan (iPinjam) SPPNK, Cik Nisrin Izzati binti Samsuddin di talian 04-702 7291 / 7296 atau e-mel sppnk@kedah.gov.my / nisrinizzati@kedah.gov.my untuk sebarang pertanyaan lanjut.

DOKUMEN SOKONGAN YANG WAJIB DIMUAT NAIK SEMASA MENGISI PERMOHONAN PINJAMAN ADALAH SEPERTI BERIKUT:

1. Salinan Kad Pengenalan Pemohon;
2. Salinan Sijil Kelahiran Pemohon;
3. Salinan Sijil Kelahiran Ibu **DAN** Bapa / Penjaga (*Sijil Pengangkatan Anak Angkat jika berkaitan*);
4. Salinan Kad Pengenalan Ibu **DAN** Bapa / Penjaga;
5. Salinan Slip Gaji Ibu **DAN** Bapa / Penjaga;
(Slip Gaji / Penyata Pesara / Borang Pengesahan Pendapatan - BPPSPPNK/07)
6. Salinan Sijil SPM / SVM;
7. Salinan Sijil STPM / STAM / Matrikulasi / Asasi / Sijil / DVM / Diploma (*jika berkaitan*);
8. Salinan Sijil Berhenti Sekolah;
9. Salinan Sijil Kokurikulum (*pencapaian tertinggi sahaja*);
10. Salinan Surat Tawaran Pengajian daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT);
11. Salinan Surat Pengesahan Pendaftaran / Resit Bayaran Pendaftaran Kemasukan ke IPT;
12. Salinan Bil Utiliti (*Elektrik / Air / Astro / Indah Water - salah satu sahaja*);
13. Borang Pengesahan Bermastautin oleh Penghulu Mukim / Imam Kariah Negeri Kedah (BPPSPPNK/09)